



EZAREEN dan Nur Azreen antara tenaga di sebalik kejayaan pelaksanaan projek MRT.

JURUTERA MUDA PROJEK MRT

Nabihah Kamal

nabihah.kamal@hmetro.com.my

Di sebalik projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) yang menjadi kebanggaan negara, ada dua anak muda 20-an turut terlibat secara langsung dengan sistem pengangkutan itu.

Pada usia muda, pembabit dalam syarikat MRT Corp itu sememangnya sesuatu yang membanggakan. Jurutera, Amir Ezareen Azhan Effendy, 25, berkata, kerjayanya itu cukup bermakna buat dirinya kerana turut menyumbang kepada pembangunan negara.

"Ketika zaman belajar, tidak pernah terfikir akan

terbabit dalam projek ini. Sebagai jurutera di syarikat ini, saya dapat menabur jasa kepada negara.

"Sekurang-kurangnya saya turut serta sebagai antara rakyat yang membantu dalam pembangunan di negara ini," katanya.

Menurut jurutera yang mesra disapa Ezareen, bukan mudah untuk membangunkan sistem pengangkutan di Malaysia.

"Skop pekerjaan saya lebih kepada kelancaran sistem pergerakan MRT seperti mengukur kelajuan yang diperlukan untuk menepati

masa yang ditetapkan.

"Saya turut bertanggungjawab untuk mengimplimentasikan sistem 'cashless' (tanpa tunai) seperti menggunakan kad supaya pengguna MRT kelak akan mendapat servis yang cepat dan mudah," katanya.

Menurut lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komunikasi Data dan Rangkaian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam itu, dia dihantar ke luar negara bagi mendapatkan lebih banyak ilmu dan menimba pengalaman baru.

Katanya, dia pernah

dihantar ke Korea Selatan, Sweden dan Belgium oleh syarikat bagi mempelajari teknologi baru berkaitan pengangkutan.

"Kita sememangnya mempunyai kepakaran dalam hal berkaitan MRT. Orang kita boleh lakukan dan tidak perlu menggunakan kepakaran luar.

"Bukan saja menjimatkan kos, malah sebagai rakyat Malaysia kita perlu berbangga dengan kemahiran dan kepakaran yang ada," katanya.


Sementara itu, jurutera wanita MRT, Nur Azreen

Samsuri, 27, mengakui dia ditugaskan untuk menyelia perkhidmatan bas serta depoh.


"Sebanyak 300 bas akan disediakan untuk memudahkan pengguna ke stesen MRT.

"Antara tugas saya adalah mengkaji laluan bas perantara supaya dapat memudahkan pergerakan pengguna di 36 stesen MRT. Kami juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Prasarana Malaysia Berhad," katanya.

Menurut Nur Azreen,



PROJEK MRT memiliki 36 stesen termasuk bawah tanah serta dihubungkan dengan 300 bas perantara.



dia mahu bekerja untuk masyarakat dengan menyumbang idea demi pembangunan negara dalam bidang pengangkutan awam.

"Ini bukan saja memudahkan rakyat Malaysia, malah mampu menarik pelancong untuk datang ke Malaysia kerana mempunyai sistem pengangkutan yang mesra pengguna.

"Selain itu, saya menyahut cabaran kerajaan untuk merealisasikan program transformasi ekonomi untuk kemudahan rakyat Malaysia," katanya.

Menurut Nur Azreen, bekerja di syarikat itu bukan saja bercampur dengan pelbagai kaum di negara ini, malah turut bekerjasama dengan pakar dari luar negara seperti Sweden dan Jerman.

"Mereka mempunyai persepsi yang berbeza terhadap Malaysia, jadi sebagai rakyat negara ini saya turut memainkan peranan dengan mempamerkan imej yang positif kepada mereka," katanya yang bangga menjadi anak Malaysia.



MENGIKUTI kenyataan MRT Corp, kemajuan bagi projek Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada masa ini adalah 89 peratus.